



PERUTUSAN
YB DATUK SERI DR HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR
MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR

SEMPENA SAMBUTAN HARI BUMI

22 APRIL 2018

Tanggal 22 April setiap tahun menyaksikan manusia di seluruh dunia meraikan Sambutan Hari Bumi. Sambutan ini adalah merupakan usaha manusia sejagat untuk menghargai bumi, menyemai rasa tanggungjawab dan meningkatkan kesedaran untuk melindungi bumi dan alam sekitar.

Semasa sambutan Hari Bumi 2017 di Tangkak, Johor, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar telah melakar kejayaan apabila mencatatkan pengumpulan sisa barangan elektrik dan elektronik (*e-waste*) isi rumah terbesar di Malaysia sebanyak 36,144 kilogram dalam *Malaysia Book of Records*. Usaha ini juga telah diteruskan semasa Sambutan Hari Alam Sekitar Negara 2017.

Tahun ini, Hari Bumi membawa tema “Hentikan Pencemaran Plastik” atau “*End Plastic Pollution*” bagi mengurangkan impak sisa plastik kepada alam sekitar. Selain sisa makanan yang mencatat pengeluaran sisa terbanyak di Malaysia iaitu 32 peratus, sumber buangan kedua terbesar ialah plastik iaitu sebanyak 19.9 peratus.

Sisa plastik mengandungi bahan kimia berbahaya, sekiranya sisa plastik yang dihasilkan di daratan tidak diuruskan secara mesra alam ianya akan hanyut ke laut dan secara langsung boleh menyebabkan kepada kemerosotan tahap kualiti marin, merosakkan pemandangan pantai, mendatangkan bahaya kepada manusia, tumbuhan, hidupan akuatik dan hidupan liar.

Pereputan dan pembuangan beg plastik juga boleh menyumbang kepada pembentukan gas rumah kaca yang memberi kesan kepada pemanasan global dan menjejaskan rantaian makanan manusia.

Bagi mewujudkan kesedaran di kalangan rakyat Malaysia akan kesan pencemaran plastik, terdapat beberapa langkah yang telah dan sedang dilaksanakan oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.

Di antaranya, Sambutan Hari Alam Sekitar Negara yang diadakan pada setiap tahun dan Program Mesra Alam Sekitar yang melibatkan penduduk setempat, Badan Bukan Kerajaan (*Non-Governmental Organisations*) serta kelab-kelab pencinta alam yang melaksanakan aktiviti pembersihan pantai (*beach clean-up*).

Selain itu, usaha-usaha sedang giat dilaksanakan oleh pihak Kementerian untuk memperkenalkan sukatan mata pelajaran pendidikan alam sekitar di peringkat sekolah untuk mewujudkan rasa tanggungjawab dan keprihatinan generasi muda terhadap alam sekitar.

Dalam usaha memelihara dan memulihara alam sekitar, bukan pihak kerajaan sahaja yang harus dipertanggungjawabkan, tetapi semua golongan masyarakat perlu melaksanakan tanggungjawab masing-masing.

Justeru, saya ingin menyeru kepada semua lapisan masyarakat untuk sama-sama menjaga alam sekitar dengan memastikan penggunaan beg plastik dapat diminimumkan dan menggalakkan penggunaan beg kitar semula, beg kertas atau beg plastik boleh terurai (*biodegradable*).

Saya juga menggalakkan penyertaan orang ramai dalam Program Rakan Alam Sekitar di mana setiap lapisan masyarakat boleh menjadi mata dan telinga kepada pihak kerajaan untuk melaporkan kes-kes pencemaran yang berlaku di sekitar kawasan mereka.

Sehubungan dengan itu, saya dengan berbesar hati ingin mengwar-warkan bahawa beberapa Sambutan Hari Bumi 2018 akan diadakan pada 22 April 2018 seperti Program Restorasi Hutan Bersama Rakyat Daerah Tangkak sempena Hari Bumi di Pulau Penarik, Tangkak, Johor dan bertempat di Farm in The City di Seri Kembangan, Selangor anjuran Pertubuhan Warisan Alam Sekitar Malaysia dengan kerjasama Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.

Jabatan Alam Sekitar juga akan mengadakan program-program kesedaran sempena Sambutan Hari Bumi sebagai usaha dalam meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap tanggungjawab memelihara alam sekitar. Sehubungan itu, saya menjemput semua lapisan masyarakat untuk sama-sama menyertai pelbagai program yang diaturkan.

Dengan adanya usaha seperti ini diharapkan akan lahir rakyat Malaysia yang prihatin kepada alam sekitar dan sebarang bentuk pencemaran alam sekitar terutamanya pencemaran laut dan hidupan marin yang berpunca daripada pencemaran sisa plastik dapat ditangani bersama. Semoga dengan penglibatan semua pihak, bumi yang kita diami ini akan terus terpelihara dan dipulihara untuk manfaat generasi kini dan akan datang.

WISMA SUMBER ASLI